

PERKEMBANGAN ISLAM DI NEPAL

SEKELUAS DUNIA

Bahan asal dari Artikel
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin—Yang di-Pertuan Agong hari ini bertitah menggesa umat Islam memperoleh kembali kehormatan dan maruah memandangkan kelemahan dan penderitaan yang dialami mereka sekarang.

"Adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam mewujudkan perpaduan tulen di kalangan seluruh umat, dan untuk menyalurkan tenaga dan sumber-sumber kita bagi meningkatkan keupayaan kita," titah Seri Paduka ketika merasmikan perisandingan "Wanita Islam Dalam Pembangunan."

Kebendaan

Seri Paduka sebelum itu menguraikan cabaran-cabaran serius yang dihadapi umat Islam dan bertitah, bukan sahaja terdapat perpecahan di kalangan mereka tetapi juga ketidakupayaan untuk mempertahankan diri dari musuh mereka.

"Memandangkan kelemahan-kelemahan kita, kurangnya perpaduan dan kebolehan dan penderitaan yang melanda, kita tidak mempunyai pilihan lain kecuali berusaha sedaya upaya bagi menghormati dan maruah kita," titah Seri Paduka.

Seri Paduka menitahkan umat Islam berusaha gigih ke-

arah pembangunan dan bersikap positif dalam segala usaha mereka.

"Titah beliau, 'pembangunan' harus dilihat dari segi Islam yang mahukan pembalikan menyeluruh setiap individu dan masyarakat, dan bukan sahaja dari konsep barat yang menitikberatkan kemajuan ekonomi dan kebebasan sahaja.

"Pendekatan kita ke arah pembangunan adalah yang menyeluruh. Matlamat-matlamat pembangunan menurut Islam adalah mewujudkan ummah yang serba lengkap, lasak, bersatu, makmur dan bertakwa, bebas dari ketidakadilan dan penyakit-penyakit sosial," titah Seri Paduka.

Mengenai pembangunan beramal-ramai di Lebanon, Seri Paduka bertitah, perubatan itu merupakan 'pembinaan yang kekal terhadap umat Islam dan manusia dan tidak boleh dimaafkan'.

Seri Paduka juga mengucap tahniah kepada penganjur perisandingan itu. Perubatan Keabajkan Islam Malaysia (PERKIM) dan Majlis Dakwah Islam bagi Asia Tenggara dan Pasifik-tengah dayausahanya, sambil bertitah, perisandingan itu diadakan pada detik yang bersejarah lagi penting.

"Titah Seri Paduka, dengan tibanya abad ke-15 Hijrah, umat Islam di seluruh dunia mengharapkan era

baru ke arah kemajuan dan pencapaian.

Seri Paduka bertitah, dari 836 juta orang umat Islam di dunia ini, kira-kira 70 peratus hidup dalam keadaan miskin dan bergantung kepada orang lain.

"Pada keseluruhannya, kita amat lemah," titah Seri Paduka bertitah, dalam Islam semua orang adalah sama, cuma yang membezakan mereka ialah takwa seseorang.

Titah Seri Paduka, manusia dijadikan untuk berbakti kepada Allah dan berbakti kepada Allah merupakan pencapaian tanggungjawab setiap umat Islam.

Seri Paduka menambah titah, berjuang ke arah perpaduan Islam dan mempastikan kemajuan umat Islam merupakan tanggungjawab umat Islam yang asasi.

Berbakti

Seri Paduka bertitah, Islam dengan jelas menceraikan kewajiban setiap orang lelaki dan perempuan dan apa yang Allah terangkan dari segi peranan masing-masing pada asasnya bertujuan mempastikan keselamatan mereka.

"Sebagai orang Islam, kita mesti memelihara sepenuhnya batasan dan tanggungjawab kita dari segi peranan masing-masing dalam keadaan yang berbeza. Jika kita berbuat sebaliknya bermakna

kita meletakkan diri dalam perganghan," titah Seri Paduka.

Merujuk kepada peranan lelaki atau wanita dalam pembangunan, Seri Paduka bertitah, ia terpaksa dibincangkan dalam 'lunas-lunas yang ditetapan oleh tuhan'.

"Ia bukannya semata-mata soal sama ada lelaki atau wanita perukun kebebasan untuk menjadi penganut Islam yang baik, kerana untuk menjadi umat Islam yang baik akan memberikan kita kehidupan yang baik di dunia dan akhirat," titah Seri Paduka.

Seri Paduka bertitah, satu keluarga Islam yang miskin halangan-halangan pada asasnya yang tidak membenarkan wanita dari mengambil bahagian dalam pembangunan tenaga ke arah pembangunan adalah satu isu penting.

"Fansa persektif yang betul itu, terdapat bahaya perjuangan wanita-wanita Islam mungkin dipengaruhinya oleh rakan-rakan seperjuangan mereka di Barat yang berasaskan lunas-lunas yang sebenarnya dengan sendirinya merupakan satu halangan.

Seri Paduka menambah, rakan-rakan di Barat nampaknya memandang segalanya

sebagai konfrontasi antara lelaki dan wanita, majoriti menentang minoriti, pengurusan menentang pekerja dan sebagainya.

Titah Seri Paduka, perjuangan mereka merupakan kes kehilangan identiti dan kehormatan diri. Oleh itu, ia merupakan kes perjuangan kebebasan dan untuk mencapai pengiktirafan.

Seri Paduka percaya keabajkan wanita Islam dan penyertaan cergas mereka dalam pembangunan dewasa ini, adalah terbatas kepada lingkaran sebab akibat kemunduran ummah keseluruhannya.

Membantu

Seri Paduka bertitah, satu keluarga Islam yang miskin akan menghalang sebarang aspirasi dari memberikan masa dan tenaga kepada bidang lain dari tugas kekeluargaan di rumah.

Dalam keadaan ini, pihak lelaki pun tidak dapat berbuat apa-apa selain bertanggung jawab mencari nafkah, apa lagi untuk hal ehwal masyarakat dan negara.

Perjuangan untuk pembangunan ummah adalah perjuangan umat Islam ke arah kemajuan dan maruah. Lelaki dan wanita adalah saling membantu dan boleh mencapai kejayaan dengan usaha bersama.

Terdahulu, penganjur perisandingan itu, Datin

Patinggi Laila Taib berkata, tujuan sidang lapar hari itu ialah mengenai-pasti masalah wanita Islam di Asia Tenggara dan Pasifik dan menncari penyelesaian serta memperkembangkan kerjasama dan mendapatkan sokongan lain-lain pertubuhan Islam.

Datin Patinggi Laila berkata, antara peserta-peserta perisandingan itu datang dari Pakistan dan Nepal di barat, Korea Selatan dan Jepun di utara, New Kaledonia dan Fiji di timur dan Australia dan New Zealand di selatan.

Para cerdik-pandai Islam dari seluruh dunia juga menghadiri perisandingan itu sebagai wakil beberapa pertubuhan antarabangsa, kata beliau.

Datin Patinggi Laila memberi penghargaan khas kepada Almarhum Raja Khalid, Arab Saudi, yang tidak ragu-ragu memberi sokongan kewangan untuk kejayaan perisandingan itu.

Beliau juga memberi penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman yang tidak pernah ketinggalan dalam perjuangan Islam dan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad yang sentiasa menekankan pentingnya pendidikan Islam di negara ini. — Bernama.